



18 NOV, 2024

Sandra Lim tamatkan kemarau 53 tahun Malaysia

Kosmo, Malaysia





18 NOV, 2024

Sandra Lim tamatkan kemarau 53 tahun Malaysia

Kosmo, Malaysia

Page 2 of 3



SANDRA LIM memberikan persembahan memukau selepas terpilih ke pentas *Miss Universe 2024* di Mexico.

Sandra Lim tamatkan kemarau 53 tahun Malaysia

PETALING JAYA - Ratu Cantik Malaysia, Sandra Lim menamatkan kemarau 53 tahun negara di pentas *Miss Universe* apabila berjaya menempatkan diri dalam kelompok 30 teratas dalam pertandingan yang berlangsung di Mexico semalam.

Sandra atau nama sebenarnya Sandra Lim Shue Hui, 24, menjadi wakil Malaysia kedua dalam sejarah yang berjaya meloloskan diri ke peringkat tersebut.

Kali pertama Malaysia terpilih pada 1970 menerusi penyertaan Josephine Lena Wong. Itu merupakan kali pertama dan terakhir wakil Malaysia terpilih.

Sandra memberikan persembahan yang memukau pada pusingan awal iaitu saringan yang berlangsung pada Jumaat lalu.

Persembahan Sandra menerusi segmen kostum dengan mengayakan busana

Walinong Sari dan pakaian renang menjadi tular dalam media sosial.

"Nama Malaysia berkumandang di bumi Mexico. Tahniah Sandra. Akhirnya berjaya menghentikan kemarau 53 tahun di pentas *Miss Universe*. Malaysia boleh," kata seorang pengguna media sosial.

"Tahniah Malaysia, akhirnya 'pecah telur' di pentas *Miss Universe* selepas lima dekad. Tumpang bangga dari negara jiran," ujar netizen dari Indonesia.

Pada tahun ini sebanyak 130 buah negara menyertai pertandingan *Miss Universe 2024* menjadikan edisi kali ini penyertaan terbesar dalam sejarah penganjurannya.

Wakil Denmark, Victoria Kjaer dinobatkan sebagai *Miss Universe 2024*. Tempat kedua pula dimenangi oleh wakil Nigeria, diikuti tempat ketiga Mexico, Thailand (4) dan Venezuela (5).



18 NOV, 2024

Sandra Lim tamatkan kemarau 53 tahun Malaysia

Kosmo, Malaysia

Page 3 of 3

SUMMARIES

SANDRA LIM memberikan persembahan memukau selepas terpilih ke pentas Miss Universe 2024 di Mexico.

PETALING JAYA - Ratu Cantik Malaysia, Sandra Lim menamatkan kemarau 53 tahun negara di pentas Miss Universe apabila berjaya menempatkan diri dalam kelompok 30 teratas dalam pertandingan yang berlangsung di Mexico semalam. Sandra atau nama sebenarnya Sandra Lim Shue Hui, 24, menjadi wakil Malaysia kedua dalam sejarah yang berjaya meloloskan diri ke peringkat tersebut.